

**SOALAN NO: 31****PARLIMEN MALAYSIA****PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : Bertulis****DARIPADA : Datuk Haji Ahmad Lai Bin Bujang  
[Sibuti]****SOALAN : Datuk Haji Ahmad Lai Bin Bujang  
[Sibuti] minta MENTERI  
PERTANIAN DAN INDUSTRI  
ASAS TANI menyatakan sejak  
2013 – 2017 berapakah jumlah  
peruntukan Kementerian yang telah  
disalurkan ke Parlimen Sibuti dan  
apakah bentuk projek pertanian  
yang sesuai dilaksanakan di  
kawasan Parlimen Sibuti  
berdasarkan bajet yang ada  
diperuntukan bagi tahun 2018.**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) telah menyalurkan sejumlah RM6.93 juta ke Parlimen Sibuti bagi tempoh bermula tahun 2013 hingga 2017. Peruntukan tersebut adalah bagi pelaksanaan pelbagai program/projek oleh Jabatan Pertanian (DOA) Sarawak, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) serta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Antara projek yang telah dilaksanakan sepanjang tempoh tersebut adalah seperti berikut:

- i. Program Taman Kekal Pengeluran Makanan;
- ii. Program Pembangunan Industri Kelapa;
- iii. Program Baik Pulih Rumah Nelayan;
- iv. Program Insentif Tangkapan Ikan;
- v. Program Elaun Sara Hidup Nelayan; dan
- vi. Program 1Azam.

Berdasarkan bajet yang diperuntukkan bagi tahun 2018, projek-projek pertanian yang sesuai dilaksanakan di kawasan Parlimen Sibuti ialah Program Mempelbagaikan Tanaman, Program Pembangunan Industri Buah-buahan

melalui Skim Bantuan Penanaman Baru Buah-buahan Bermusim (Musang King) dan Program Pembangunan Industri Kelapa.

Untuk makluman, Program Elaun Sara Hidup Nelayan, Subsidi Diesel/Petrol oleh LKIM masih diteruskan bagi tahun 2018. Selain itu, bantuan lain seperti peralatan menangkap ikan dan pembangunan usahawan oleh LKIM, penubuhan Agrobazar Rakyat 1Malaysia (ABR1M), Pusat Pengumpulan Ladang (PPL) serta program pemasaran dan pembangunan usahawan oleh FAMA masih diteruskan pada tahun 2018 dan akan dipertimbangkan berdasarkan permohonan yang diterima oleh pihak Kementerian.